



JABATAN PERDANA MENTERI
JABATAN PERANGKAAAN MALAYSIA

KENYATAAN MEDIA STATISTIK TENAGA BURUH, MALAYSIA, JANUARI 2022

Bilangan penganggur terus menurun kepada 680.4 ribu orang mencatatkan kadar pengangguran 4.2 peratus pada Januari 2022

PUTRAJAYA, 09 Mac 2022 – Bilangan penganggur terus menurun kepada 680.4 ribu orang mencatatkan kadar pengangguran 4.2 peratus pada Januari 2022, Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) melaporkan hari ini dalam siaran Statistik Tenaga Buruh, Malaysia, Januari 2022. Statistik ini memperihalkan kedudukan penawaran buruh berdasarkan Survei Tenaga Buruh yang dilaksanakan oleh DOSM.

Menurut Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin, Ketua Perangkawan Malaysia, “Kedudukan tenaga buruh semakin baik pada Januari 2022 didorong oleh peningkatan berterusan dalam guna tenaga manakala penganggur dalam trend menurun. Bilangan penganggur terus berkurang pada Januari 2022 kepada 680.4 ribu orang, turun 1.1 peratus berbanding Disember 2021 (687.6 ribu orang). Kadar pengangguran pada bulan tersebut kekal pada 4.2 peratus. Manakala, bilangan penduduk bekerja meningkat sebanyak 0.2 peratus kepada 15.69 juta orang (Disember 2021: 15.65 juta orang), mencatatkan nisbah guna tenaga kepada penduduk yang lebih tinggi iaitu 66.2 peratus pada Januari 2022. Justeru, tenaga buruh meningkat sebanyak 0.2 peratus mencatatkan 16.37 juta orang (Disember 2021: 16.34 juta orang), seterusnya membawa kepada peningkatan kadar penyertaan tenaga buruh bulan Januari kepada 69.1 peratus (Disember 2021: 69.0%). Situasi ini mencerminkan aktiviti ekonomi yang menggalakkan pada Januari 2022 berikutan kesemua negeri telah berada dalam Fasa 4 Pelan Pemulihan Negara yang membenarkan perniagaan terus beroperasi pada kapasiti penuh dengan waktu perniagaan yang lebih panjang.”

Mengulas lanjut mengenai situasi pengangguran pada Januari, beliau berkata, “Daripada jumlah penganggur, 83.7 peratus adalah mereka yang bersedia untuk bekerja dan aktif mencari pekerjaan atau penganggur aktif, mencatatkan penurunan sebanyak 1.2 peratus kepada 569.5 ribu orang (Disember 2021: 576.5 ribu orang). Seterusnya, 56.3 peratus adalah mereka yang menganggur kurang daripada tiga bulan manakala 7.5 peratus adalah mereka yang berada dalam pengangguran jangka panjang melebihi setahun. Bagi penganggur yang tidak aktif atau mereka yang percaya tiada pekerjaan tersedia, berkurang sebanyak 0.2 peratus merekodkan 110.9 ribu orang (Disember 2021: 111.1 ribu orang).

Pada masa yang sama, kadar pengangguran belia bagi umur 15 hingga 24 tahun menurun sebanyak 0.5 mata peratus merekodkan 13.2 peratus pada Januari 2022. Bilangan penganggur belia bagi kumpulan umur ini menurun sebanyak 0.9 peratus kepada 364.5 ribu orang (Disember 2021: 367.7 ribu orang). Trend yang sama turut dilihat dalam kadar pengangguran bagi umur 15 hingga 30 tahun yang berkurang kepada 8.3 peratus, mencatatkan seramai 521.8 ribu orang penganggur (Disember 2021: 8.5%; 533.8 ribu orang)."

Mengulas lanjut mengenai situasi guna tenaga, Ketua Perangkawan berkata, "Komposisi terbesar dalam penduduk bekerja adalah kategori pekerja yang merangkumi 76.7 peratus, merekodkan peningkatan bulan ke bulan sebanyak 0.1 peratus kepada 12.03 juta orang (Disember 2021: 12.02 juta orang). Begitu juga, kategori bekerja sendiri meningkat sebanyak 0.6 peratus mencatatkan 2.66 juta orang pada Januari 2022 (Disember 2021: 2.64 juta orang)."

Mengikut sektor ekonomi, bilangan penduduk bekerja dalam Perkhidmatan mencatatkan peningkatan bulan ke bulan yang berterusan terutamanya dalam aktiviti Perkhidmatan makanan & minuman, Perdagangan borong & runcit; dan Maklumat & komunikasi. Trend yang sama juga dilihat dalam sektor Pembuatan dan Pembinaan dengan bilangan guna tenaga yang terus meningkat. Sebaliknya, guna tenaga dalam sektor Pertanian dan Perlombongan & pengkuarian berada pada trend yang menurun sejak lapan belas bulan yang lalu.

Bagi kumpulan tidak aktif, bilangan luar tenaga buruh pada Januari 2022 terus menurun kepada 7.33 juta orang (Disember 2021: 7.34 juta orang). Bersekolah/ latihan merupakan sebab utama luar tenaga buruh dengan peratus sumbangan sebanyak 41.4 peratus, diikuti oleh kategori kerja rumah/ tanggungjawab keluarga (41.3%).


Mengulas kedudukan tenaga buruh secara keseluruhan bagi tempoh yang akan datang, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin berkata, "Prospek ekonomi yang lebih optimis dijangka pada bulan-bulan akan datang digambarkan oleh Indeks Pelopor yang melebihi 100.0 mata secara berterusan dan meningkat pada Disember 2021. Prospek yang positif ini akan mendorong kepada peningkatan dalam aktiviti perniagaan dan seterusnya akan mewujudkan lebih banyak permintaan buruh dalam ekonomi. Pewujudan lebih banyak peluang pekerjaan akan menggalakkan penyertaan buruh yang lebih ramai, sekali gus mendorong pasaran buruh untuk menjadi lebih rancak pada bulan-bulan yang akan datang."

Jabatan Perangkaan Malaysia sedang menjalankan Survei Pendapatan, Perbelanjaan Isi Rumah dan Kemudahan Asas (HIES/BA) 2022 bermula dari 1 Januari 2022 sehingga 31 Disember 2022. DOSM amat menghargai kerjasama


Embargo: Hanya boleh diterbitkan atau disebarkan mulai jam 1200, Rabu, 09 Mac 2022

daripada responden yang terpilih untuk memberikan maklumat kepada kami serta menjayakan survei ini. Sila layari www.dosm.gov.my untuk maklumat lanjut.

Carta 1: Penganggur, Malaysia, Januari 2020 - Januari 2022



Carta 2: Kadar pengangguran, Malaysia, Januari 2020 - Januari 2022



Dikeluarkan oleh:

PEJABAT KETUA PERANGKAWAN MALAYSIA

JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA

09 MAC 2022



PRIME MINISTER'S DEPARTMENT
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA

MEDIA STATEMENT STATISTICS OF LABOUR FORCE, MALAYSIA, JANUARY 2022

Number of unemployed declined further to 680.4 thousand persons registering unemployment rate at 4.2 per cent in January 2022

PUTRAJAYA, 09 March 2022 – The number of unemployed declined further to 680.4 thousand persons registering unemployment rate at 4.2 per cent in January 2022, the Department of Statistics Malaysia (DOSM) reported today on Statistics of Labour Force, Malaysia, January 2022. The statistics described the labour supply situation based on the Labour Force Survey conducted by DOSM.

According to Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin, Chief Statistician Malaysia, "The labour force situation continued to improve in January 2022, led by the continuous rise in employment while unemployed persons trended down. The number of unemployed declined further in January 2022 to record 680.4 thousand persons, lowered by 1.1 per cent as against December 2021 (687.6 thousand persons). The unemployment rate during the month stood at 4.2 per cent. Meanwhile, the number of employed persons rose by 0.2 per cent to 15.69 million persons (December 2021: 15.65 million persons), registering a higher employment-to-population ratio at 66.2 per cent in January 2022. Consequently, the labour force increased by 0.2 per cent to register 16.37 million persons (December 2021: 16.34 million persons) resulting to the increase in January's labour force participation rate to 69.1 per cent (December 2021: 69.0%). This situation mirrored the encouraging economic activity in January 2022, since all states being in Phase 4 of the National Recovery Plan have permitted businesses to continue their operations at full capacity with longer business hours."

Elaborating further on the unemployment situation in January, he said, "Out of the total number of unemployed persons, 83.7 per cent were those who were available for work and were actively seeking jobs or the actively unemployed, registering a decline of 1.2 per cent to 569.5 thousand persons (December 2021: 576.5 thousand persons). Subsequently, 56.3 per cent were unemployed for less than three months while 7.5 per cent was those who were in long-term unemployment of more than a year. As for the inactively unemployed or those who believed that there were no jobs available reduced by 0.2 per cent to record 110.9 thousand persons (December 2021: 111.1 thousand persons).

In the meantime, the youth unemployment rate for aged 15 to 24 years declined by 0.5 percentage points to record 13.2 per cent in January 2022. The number of unemployed youths for this age group decreased by 0.9 per cent to 364.5 thousand persons (December 2021: 367.7 thousand persons). Similar trend was observed in the unemployment rate for aged 15 to 30 years which reduced to 8.3 per cent, registering 521.8 thousand of unemployed persons (December 2021: 8.5%; 533.8 thousand persons)."

Commenting further on the employment situation, the Chief Statistician said, "The largest composition of employed persons was the employees category encompassed 76.7 per cent, posted a month-on-month increase of 0.1 per cent to 12.03 million persons (December 2021: 12.02 million persons). Likewise, the own-account workers category increased by 0.6 per cent registering 2.66 million persons in January 2022 (December 2021: 2.64 million persons)."

By economic sector, the number of employed persons in Services persistently recorded a month-on-month increase particularly in Food & beverages services, Wholesale & retail trade; and Information & communication activities. Similar trend was observed in Manufacturing and Construction sectors with the number of employment remained increasing. On the contrary, the employment in Agriculture and Mining & quarrying sectors was on a declining trend for the past eighteenth months.

As for the inactivity group, the number of outside labour force in January 2022 reduced further to 7.33 million persons (December 2021: 7.34 million persons). Schooling/ training was the main reason of outside labour force with a share of 41.4 per cent, followed by housework/ family responsibilities category (41.3%).

Looking ahead on the overall labour force situation, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin said, "A healthier economic outlook is anticipated in the months ahead, reflecting by the Leading Index which was continuously above 100.0 points and rising in December 2021. This positive outlook will lead to the increase in business activities, thus creating more labour demand in the economy. Creation of more job opportunities will encourage more labour participation, hence fostering the labour market to be more vibrant in the forthcoming months."

The Department of Statistics Malaysia is conducting the Household Income, Expenditure and Basic Amenities Survey (HIES/BA) 2022 from 1st January 2022 to 31st December 2022. DOSM greatly appreciates the cooperation given by selected respondents by sharing their information with us and making the survey a success. Please visit www.dosm.gov.my for more information.

Chart 1: Unemployment, Malaysia, January 2020 - January 2022





Chart 2: Unemployment rate, Malaysia, January 2020 - January 2022



Released by:

**CHIEF STATISTICIAN MALAYSIA OFFICE
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA
09 MARCH 2022**